

24 Pelajar FKJ UMS tabur bakti di Kampung Tagasan Jaya, Semporna

NST 29.12.2018 2

SEMPORNA: Seramai 24 pelajar tahun empat Program Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terlibat dalam melaksanakan Projek "Ceramic Water Filter (CWF) – Tagasan Jaya" di Kampung Tagasan Jaya, Semporna baru-baru ini.

Menurut pengarah projek, Mohd. Husni Husin, projek di bawah program "Project For Happiness 2018" yang dijalankan selama enam hari itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti bagi mengerakkan silaturahim dengan komuniti Kampung Tagasan Jaya, Semporna.

"Projek ini telah dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar untuk berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat dan juga melahirkan pelajar yang mampu menerima cabaran semasa bekerja bersama masyarakat yang mempunyai budaya yang berbeza."

"Program ini mampu mengasah kemahiran bersosial pelajar dengan masyarakat di luar serta melatih pelajar untuk tinggal di kawasan yang pendalaman yang serba kekurangan dari segi kemudahan," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Kampung Tagasan Jaya, Hasimun Abd. Rasad ketika berucap pada majlis perasmian program tersebut berkata, amatlah wajar aktiviti tersebut dijalankan kerana bukan sahaja

mampu mengerakkan silaturahim antara kedua belah pihak, malah turut mampu membentuk jati diri pelajar untuk berbakti kepada negara.

"Aktiviti bersama komuniti sebegini perlulah menerapkan nilai-nilai dan berunsurkan pendidikan dengan lebih kerap selain

mampu mewujudkan sikap prihatin dalam diri setiap pelajar," ujar beliau.

Sepanjang program itu berlangsung, pelajar turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung, pemasangan khemah dan persediaan untuk majlis penutupan program tersebut.



KENANGAN BERSAMA Hasimun Abd. Rasad (duduk, dua dari kanan) bergambar bersama pensyarah dan pelajar UMS yang terlibat dalam projek komuniti tersebut.